

13/07/2002

DH Info Tech, TM Net jalin perkongsian strategik

Suraiya Mohd Nor

DRB-HICOM Information Technologies Sdn Bhd (DH Info Tech), anak syarikat DRB-Hicom Bhd, membentuk perkongsian strategik dengan TM Net Sdn Bhd (TM Net) bagi membekalkan komputer dengan pakej lengkap pada harga mampu milik.

Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Bhd (DRB-Hicom), Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata, perkongsian yang dibentuk dengan TM Net, sebuah anak syarikat Telekom Malaysia Bhd itu adalah sejajar dengan usaha kerajaan bagi merapatkan jurang digital dan mewujudkan masyarakat celik komputer di negara ini.

"Melalui perkongsian ini, DH Info Tech akan membekalkan pakej komputer peribadi serba lengkap berasaskan sistem Linux, manakala TM.

Net pula akan membekalkan laluan Internet serta kemudahan portal," katanya pada majlis memeterai perjanjian persefahaman bagi perkongsian itu di Shah Alam, semalam.

Pada majlis itu DH Info Tech diwakili Pengerusinya yang juga Pengarah Kanan Sokongan Pengurusan dan Sinergi Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Yatina Yahaya, manakala TM Net oleh Ketua Eksekutif, Telekom Malaysia Bhd (Telekom), Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman. Md Khir ialah pengerusi TM Net.

Ia disaksikan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi Telekom, Tan Sri Ir Md Radzi Mansor.

Mohd Saleh berkata, komputer serba lengkap ciptaan rakyat tempatan yang dibekalkan DH Info Tech itu ditawarkan pada harga kurang RM2,000.

Satu pakej pinjaman dengan bayaran ansuran mudah kurang daripada RM50 sebulan akan ditawarkan bagi memudahkan pembeliannya, katanya.

Beliau berkata, komputer berkenaan akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 24 Julai ini.

Sempena pelancaran itu, syarikat akan mengadakan pameran selama empat hari mulai 25 Julai dan orang ramai boleh membuat tempahan bagi komputer itu, katanya.

Sementara itu, Md Radzi berkata, dengan ada komputer serba lengkap dengan laluan Internet, lebih ramai rakyat negara ini akan menikmati kelebihan dan faedah teknologi maklumat.

TM Net akan menyediakan akaun Internet prabayar dengan akses percuma 50 jam bagi membolehkan pembeli komputer itu melayari Internet dengan mudah.

Kemudahan itu membolehkan pengguna telefon, terutama di kawasan luar bandar menggunakannya tanpa perlu mendaftar bagi mendapatkan perkhidmatan internet, katanya.